

Keluarga: Usah ikut cara Barat

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati masyarakat supaya tidak terperangkap dengan definisi Barat terhadap konsep kekeluargaan.

Menurutnya, Barat kini mengiktiraf konsep kekeluargaan walaupun tanpa ikatan perkahwinan yang sah.

Beliau berkata, penyelesaian terbesar ialah pengiktirafan terhadap konsep bersekedudukan dan kahwin sesama jenis sama ada antara pasangan lelaki atau perempuan.

"Pendirian wakil kita di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berhubung konsep kekeluargaan yang betul pernah ditolak kerana mereka mahu mengiktiraf konsep yang bercanggah dengan agama dan kemanusiaan.

"Definisi Barat ialah keluarga boleh terdiri daripada sama ada pasangan yang sah berkahwin; lelaki berkahwin dengan lelaki dan memelihara anak angkat atau perempuan berkahwin dengan perem-

puan, dan pasangan bersekedudukan.

"Konsep ini bukan saja tidak dapat diterima akal malah bertentangan hukum agama. Ia melahirkan anak di luar nikah dan mungkin berkahwin pula di antara kakak atau adik sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis Pelancaran Majalah Kasih untuk tabung amanah Rumahku Syurgaku dan tayangan perdana filem *Jeritan Batin* di Pusat Dagangan Dunia Putra, malam ini.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Di majlis itu beberapa syarikat swasta menyumbang untuk tabung berkenaan. Ini termasuk Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (EON) sebanyak RM5,000 dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad (RM5,000).

Filem keluaran dan arahan Ariff Shah itu dipilih oleh Bahagian Hal Ehwal Islam (Baheis), Pusat Islam untuk mengisi pelancaran 'Tabung Amanah Rumahku Syurgaku'.

Filem itu dibintangi

Normah Damanhuri, Siti Hawa Talib, Razak Rahman, Syaifudin Hashim dan Putri Nor Maria dan Rosnah Aris.

Perdana Menteri berkata, masyarakat harus mempertahankan sistem nilai dan semangat kekeluargaan berasaskan hukum agama dan undang-undang.

Menurutnya, sistem keluarga yang gagal akan melahirkan masalah sosial termasuk penganiayaan kanak-kanak dan akhirnya masyarakat tidak lagi berpegang kepada agama.

"Sebagai contoh, kes kematian seorang kanak-kanak Mohamad Afiq. Walaupun bapanya dihukum penjara 20 tahun, tetapi ia tidak dapat mengembalikan jiwanya.

"Kes seumpama ini tidak akan berlaku jika masyarakat berpegang teguh kepada agama, nilai murni dan undang-undang," katanya.

Perdana Menteri berharap kempen Rumahku Syurgaku mencapai kejayaan dan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat.